



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- Saran DBKL kaji keperluan naik taraf sistem saliran 12

**Harian Metro**

- Tingkat sistem kawalan banjir 22



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>24 OKTOBER 2019 (KHAMIS) |                                                     |
|--------------------------------------------|-----------------------------------------------------|
| Akhbar                                     | Sinar Harian                                        |
| Tajuk Berita                               | Saran DBKL kaji keperluan naik taraf system saliran |
| Muka Surat                                 | 12                                                  |

HM 24/10/19 m/s 22

#### RINGKAS



ANTARA kenderaan terperangkap di Jalan Duta akibat hujan lebat, kelmarin.

#### Tingkat sistem kawalan banjir

**Kuala Lumpur:** Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengenal pasti kawasan panas sering berlaku banjir kilat di sekitar ibu negara bagi mempertingkatkan sistem kawalan bencana itu.

Menterinya, Khalid Abd Samad berkata, susulan banjir kilat di beberapa kawasan sekitar ibu negara lewat petang kelmarin, beliau mengakui sistem perparitan sedia ada tidak lagi mampu menampung jumlah taburan hujan yang luar biasa.

Menurutnya, pihaknya sudah mengarahkan DBKL untuk menyenaraikan kawasan panas sering berlaku bencana itu disertai perincian mengenai punca ia berlaku.

"Tidak dinafikan, hujan semalam (kelmarin) agak luar biasa, kawasan yang tidak pernah banjir pun dinaiki air. Jadi sekarang tiada alasan lagi melainkan DBKL perlu cari penyelesaian secepat mungkin untuk tampung air hujan dengan corak iklim sebegini."

"Setiap tempat memang mempunyai reka bentuk kapasiti masing-masing bagi kemampuan menampung jumlah hujan di kawasan itu tetapi ia tanpa limpahan air dari tempat lain."

"Dalam hal ini, ada beberapa kemungkinan langkah yang akan diambil iaitu sama ada mengawal kadar air dari tempat lain khususnya bukit supaya tidak terlalu laju menuju ke parit di kawasan banjir."

"Atau meningkatkan kapasiti sistem perparitan di kawasan berkenaan supaya dapat turut menampung limpahan air dari sekitarnya," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, pihaknya akan bermesyuarat dengan jabatan berkaitan minggu ini bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian banjir kilat yang berlaku sejak kebelakangan ini.

**Sistem perparitan tidak mampu tampung jumlah taburan hujan luar biasa**



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)</b> |                               |
|----------------------------------------------------------|-------------------------------|
| Akhbar                                                   | Harian Metro                  |
| Tajuk Berita                                             | Tingkat sistem kawalan banjir |
| Muka Surat                                               | 22                            |

SH 24/10/19 m/s 12

## Saran DBKL kaji keperluan naik taraf sistem saliran

**KUALA LUMPUR** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu mengkaji keperluan naik taraf sistem saliran bagi menyelesaikan isu banjir kilat selepas hujan lebat.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata, langkah awal perlu dilakukan dengan mengenal pasti lokasi *hotspot* banjir kilat sebelum tindakan lanjut diambil.

Menurutnya, pembinaan kolam tadahan adalah antara langkah cadangan dalam penelitian bagi menyelesaikan isu banjir kilat di Kuala Lumpur.

"Terdapat sistem saliran yang tidak dapat menampung kapasiti air berlebihan. Ia hanya boleh tampung hujan biasa tapi apabila hujan lebat ditambah aliran dari bukit dan tanah tinggi menyebabkan keadaan tidak terkawal.

"DBKL perlu menyediakan sistem saliran yang mampu menampung kapasiti air dengan menukar reka bentuk bersesuaian sebagai kaedah penyelesaian.

"Hujan lebat semalam (kelmarin) adalah di luar



**KHALID**

jangkaan iaitu lebih daripada 100mm," katanya pada Majlis Penyerahan Perumahan Bandar di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas isu banjir kilat yang menyebabkan beberapa kawasan di Kuala Lumpur terjejas termasuk Jalan Duta, Jalan Tuanku Abdul Halim serta Lebuhraya Sultan Iskandar berhampiran susur ke Parlimen.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, satu pertemuan melibatkan jabatan terlibat dengan jawatankuasa khas banjir kilat akan diadakan bagi mendapatkan laporan penuh lokasi banjir terlibat.

"Keadaan banjir di sesuatu kawasan tidak sama, ada air surut cepat seperti di Lebuhraya Sultan Iskandar kurang 11 minit di Segambut pula terjejas dalam masa setengah jam sahaja.

"Kaedah pampasan dan ganti rugi akan dilihat ikut situasi. Jika ia disebabkan pemaju